

14 OCT 2003

OIC-Penghargaan/I

OIC AKAN SAMPAIKAN SURAT PENGHARGAAN KEPADA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 14 Okt (Bernama) -- Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) akan mengemukakan satu surat penghargaan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas sumbangannya dalam pembangunan umat Islam dan Malaysia.

Semasa bercakap pada persidangan media di akhir hari kedua mesyuarat persiapan menteri OIC di sini hari ini, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata resolusi mengenai perkara itu telah dibentangkan oleh Sierra Leone dan diterima sebulat suara oleh negara-negara anggota.

"Ia merupakan anugerah pujian yang tidak pernah dibuat sebelum ini. Ia akan ditandatangani oleh pengerusi kesembilan Sidang Kemuncak OIC (Qatar) dan Setiausaha Agung (Dr Abdelouahed Belkeziz)," katanya.

Mesyuarat itu mendahului Sidang Kemuncak ke-10 para pemimpin negara pada Khamis dan Jumaat yang dijangka menyaksikan penyerahan surat itu kepada Dr Mahathir.

Syed Hamid berkata sebagai pengerusi mesyuarat menteri-menteri itu dari Malaysia, beliau keberatan untuk menerima resolusi berkenaan tanpa kelulusan para anggota OIC.

"Adalah tidak wajar bagi saya untuk menerima resolusi itu tanpa para anggota meluluskannya. Bagaimanapun ia diluluskan sebulat suara," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya menutup mesyuarat menteri-menteri itu, Syed Hamid mengucapkan terima kasih kepada semua menteri dan peserta lain atas persefahaman dan kerjasama mereka menjayakan mesyuarat itu.

Beliau berkata beberapa negara anggota menyatakan minat mereka untuk menjadikan sesi perbincangan interaktif yang diadakan menjadi ciri penting mesyuarat berkenaan kerana ia membolehkan pertukaran bebas pandangan dan idea.

"Tetapi kita perlu terus mengukuhkan perpaduan supaya sidang kemucak pada 16 dan 17 Okt akan lebih berjaya," katanya.

Syed Hamid berikrar bahawa Malaysia akan melakukan yang terbaik bagi memastikan para pemimpin OIC mengambil bahagian dalam satu sidang kemuncak yang produktif, yang akan memacu pertubuhan 57 negara anggota itu ke tahap yang lebih cemerlang.

-- BERNAMA

MAM MKO RON